

02 OCT 2001

Mahathir-Asean

LABUR LEBIH BANYAK DI NEGARA MISKIN ASEAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara Asean yang lebih kaya patut melabur lebih banyak di negara-negara anggota kumpulan itu yang miskin untuk meningkatkan lagi hubungan ekonomi dan dagangan di antara mereka.

"Potensi bagi perdagangan antara negara-negara Asean masih besar. Kita seharusnya memberi tumpuan bagaimana untuk memajukan lagi perdagangan di antara kita.

"Dan jika kita dapat membantu negara-negara anggota Asean yang miskin untuk makmur, maka kita boleh mendapat manfaat pasaran yang lebih besar. Jadi kita patut melabur di negara-negara miskin Asean," katanya dalam satu temuramah dengan empat wartawan Asean dalam program "In Conversation" di TV3 malam ini.

Dr Mahathir menjawab pelbagai soalan mengenai Asean termasuk yang menyentuh isu ekonomi, politik, keselamatan dan antarabangsa.

Ketika menjawab satu soalan, beliau berkata anggota Asean harus kembali kepada idea kerjasama ekonomi kerana konsep ini yang akan membantu mereka.

"Dengan bertindak sendirian hanya kerana anda mempunyai kelebihan tertentu tidaklah begitu konstruktif. Akhirnya kita semua akan menderita," katanya.

Asean dianggotai Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Filipina, Laos, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Ditanya sama ada Asean akan satu hari nanti menjadi entiti seperti Kesatuan Eropah (EU), Dr Mahathir berkata ia mungkin berlaku walaupun ia akan mengambil masa yang lama memandangkan Asean mempunyai kebudayaan, agama, bangsa dan bahasa yang berlainan -- tidak seperti negara-negara Eropah yang lebih seragam.

"Adalah lebih sukar bagi Asean untuk bersama seperti cara penduduk Eropah bersatu. Jadi ia akan mengambil masa yang lama tetapi rakyat telah mula mengenali satu sama lain dengan lebih baik, dan saya berharap dalam masa terdekat ini akan ada satu bentuk pertubuhan yang sama lebih kurang seperti EU," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau tidak melihat pembelian senjata oleh sesetengah negara Asean boleh disamakan seperti satu perlumbaan senjata.

"Saya tidak menganggapnya sebagai satu perlumbaan senjata. Itu perkara yang suka diperkatakan oleh akhbar...mereka yang menjual senjata ini yang mahu melihat satu perlumbaan senjata kerana jika demikian mereka boleh menjual senjata mereka. Kami tidak memerlukan senjata, kami tidak akan berperang dengan Thailand, Filipina atau Indonesia," katanya.

Ditanya mengenai pengaruh Amerika Syarikat terhadap Asean, Perdana Menteri berkata setiap negara suka menggunakan pengaruhnya tetapi terpulang kepada kumpulan itu untuk menegaskan kebebasannya.

"Jika ia dalam kepentingan kita untuk bersama dengan mereka, kita seharusnya tetapi jika kita dapati ia bertentangan dengan kepentingan kita, maka kita patut menolaknya. Setiap negara besar akan mahu mempengaruhi negara lain dan jika Asean sebagai sebuah kumpulan bersama, kita juga boleh mempengaruhi Amerika Syarikat, China dan Jepun," katanya.

Mengenai kemunculan China sebagai sebuah "kuasa besar", Dr Mahathir berkata perbelanjaan Beijing terhadap senjata tidak bermakna negara itu sedang bersiap untuk berperang atau ia mempunyai cita-cita untuk menakluki Asia Tenggara, misalnya.

"Ini hanyalah kerana ia sebuah negara besar, sebuah negara kaya dan ia

harus mempunyai kekuatan yang setara dengan keupayaannya. Maka kita harus menerimanya," katanya.

Beliau juga berkata China akan turut menjadi sebuah pasaran besar bagi produk Malaysia kerana tiada negara yang boleh mengeluarkan sendiri segala benda.

Mengenai pentingnya kepimpinan bagi kemajuan sesebuah negara, Dr Mahathir berkata ramai yang bimbang bahawa pemimpin akan menjadi diktator jika mereka berkuasa terlalu lama.

"Tetapi jika anda memberikan seseorang pemimpin itu tempoh yang terlalu pendek, umpamanya satu penggal, tiada masa sebenarnya untuk melakukan apa-apa...jadi anda tidak boleh mencapai apa-apa dalam satu penggal atau malahan dua penggal.

"Saya mendapati hanya selepas lima tahun baru saya dapat untuk menunjukkan sedikit hasil daripada perancangan awal dan pemahaman daripada sesuatu situasi," katanya.

Dr Mahathir juga berkata rakyat mempunyai hak untuk menentukan sama ada seseorang itu patut terus menjadi pemimpin atau tidak.

"Kita patut dipercayai rakyat untuk membuat keputusan mereka sendiri daripada mengehadkan dari segi undang-undang penggal seseorang itu menjadi presiden atau pemimpin," katanya.

Beralih kepada topik globalisasi, beliau mengulangi bahawa interpretasi kepada konsep itu bukan hanya satu, seperti jua dalam kes demokrasi.

Dr Mahathir berkata untuk hidup dalam globalisasi, perlulah ada sedikit peraturan daripada tiada langsung kawalan.

Katanya: "Mereka memperkatakan mengenai pasaran akan mengelola dirinya sendiri malahan pasaran boleh mendisiplinkan kerajaan. Pasaran ialah mengenai membuat keuntungan. Mereka tidak berminat kepada kerja sosial.

"Kita tidak perlu ada itu. Kita perlu mengawal pasaran supaya contohnya pasaran kita tidak akan secara tiba-tiba jatuh apabila mereka menarik diri. Kita perlu ada peraturan yang setara dengan tahap pembangunan negara yang berbeza."

-- BERNAMA
MAM NZ RON